

**NO. SOALAN: 156**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**RUJUKAN : 7655**

**SOALAN:**

**Datuk Rozman bin Isli[ Labuan ] minta****MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mengetahui bahawa permasalahan pendatang asing di Labuan mempunyai persamaan dengan Sabah. Apakah perancangan Kementerian untuk menangani permasalahan ini bersekali dengan Sabah ataupun berasingan. Adakah rancangan untuk menutup kem pelarian (IMM 13) di Labuan.

**JAWAPAN:**

Isu permasalahan pendatang asing di Labuan dan di Sabah termasuk samaada perancangan untuk menutup Kem Pelarian (IMM 13) di Labuan adalah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mempunyai skop yang lebih luas dan boleh mengkaji serta membuat dasar bagi menangani isu tersebut.

Untuk makluman, buat masa ini isu pendatang asing di Labuan adalah terkawal. Pendatang Asing yang berasal dari Negara Filipina yang menetap di Labuan kini berjumlah 6,472 orang. Mereka ini memiliki Pas Lawatan Sosial (IMM 13) yang sah dikeluarkan oleh JIM Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh setahun ke setahun dengan syarat mereka mengemukakan permohonan dengan lengkap dan membuat bayaran sebanyak RM90.00. Sehingga kini, tiada lagi kemasukan baru bagi golongan ini dan juga pegeluaran IMM 13. Golongan ini juga tidak dibenarkan bekerja di tempat-tempat yang berisiko tinggi (*high risk*) seperti sebagai Pengawal Keselamatan, Industri Gas dan Minyak dan sebagainya.

Kementerian berpandangan bahawa aspek sosial pendatang asing yang memegang IMM 13 yang tinggal di Labuan tidak ada permasalahan kerana mereka yang rata-rata beragama Islam dan berbahasa Melayu. Perkahwinan campur (*inter marriage*) telah berlaku antara golongan ini dengan penduduk tempatan dan mereka sudah menjadi satu keluarga yang intim.

**Anak-anak mereka yang lahir sini juga bersekolah di Labuan dan ada yang telah berjaya menuntut hingga ke peringkat Universiti. Terdapat juga di kalangan mereka yang bekerja di restoran, kedai runcit, gedung jualan kain dan sebagainya. Ini serba sedikit membantu industri kecil-kecilan di Labuan dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi Labuan.**